

18/06/1999

## Melayu Kedah tentang Malayan Union

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Hassan Omar

FUNGSI dan peranan beberapa pertubuhan Melayu di Kedah tidak harus diketepikan dalam kesepakatan orang Melayu untuk menubuhkan Umno pada 11 Mei 1946 di Istana Besar, Johor Bahru.

Orang Melayu di Kedah bergabung tenaga dengan orang Melayu di negeri lain menentang gagasan Malayan Union yang bertujuan memberi hak kerakyatan sama rata kepada semua kaum.

Penentangan terhadap Malayan Union menjadi akar umbi penubuhan Umno di bawah kepimpinan Datuk Onn Jaafar kerana gagasan yang cuba diwujudkan oleh pejuang Inggeris mengancam hak istimewa bangsa Melayu.

Pembabitan beberapa pertubuhan Melayu di Kedah dalam penubuhan Umno amat jelas dari 1946 hingga 1952. Sarikat Kerjasama Am Saiburi atau lebih dikenali sebagai Saberkas dan Kesatuan Melayu Kedah (KMK) perlu dikenang dari segi kemampuan pemimpinnya membakar semangat bangsa Melayu menentang Malayan Union.

Saberkas yang bergerak sejak 1943 hanya diluluskan pendaftaran pada 21 Julai 1945. Antara pengasasnya ialah Mohd Khir Awang Jaafar, Muhamad Jamil Binjal dan Senu Abdul Rahman (Tan Sri).

Kesatuan Melayu Kedah (KMK) pula dilahirkan pada akhir 1945. Antara jawatankuasa penaja yang terdiri daripada ulama adalah Sheikh Abdul Halim Othman, Ibrahim dan Yahaya Junid manakala golongan muda pula Dr Mahathir Mohamad (Perdana Menteri), Mohd Zahir Ismail, Syed Ahmad Shahabuddin dan Khalid Awang Othman.

Pada Mei 1946 lahir pula Persatuan Pemuda Melayu Kedah (PPMK) yang dipelopori Dr Mahathir sebagai Yang DiPertua, Mohd Zahir Ismail sebagai Timbalan dan Ustaz Ibrahim sebagai Setiausaha yang bekerjasama secara erat dengan KMK.

Apabila Umno ditubuhkan, semua perwakilan, termasuk dari Kedah bersetuju untuk bergabung dalam Umno. Mengikut data keahlian pelbagai pertubuhan di Kedah yang terserap ke dalam Umno pada Disember 1946 ialah seramai 5,940 orang dari KMK dan 4,800 dari Saberkas.

Pada 1949 kebanyakan ahli KMK dan Saberkas menjadi ahli Umno. Presiden pertama Umno Kedah ialah Datuk Syed Omar Shahabuddin yang seterusnya menjadi Menteri Besar.

Selepas itu Umno Kedah diketuai oleh beberapa pemimpin lain, termasuk Tun Syed Ahmad Shahabudin, Tan Sri Syed Nahar Shahabuddin dan Tan Sri Osman Aroff.

Kini, Umno Kedah di bawah kepimpinan Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid terus menjadi tonggak parti komponen Barisan Nasional (BN) dan sentiasa berusaha gigih memajukan negeri sama ada daripada aspek ekonomi, politik dan sosial.

Sanusi yang dilantik sebagai Menteri Besar menggantikan Osman pada Jun 1996 meneruskan kesinambungan kepimpinan Umno di Kedah, sekaligus pembangunan serta kemajuan negeri, khususnya menjelang alaf baru.

Sejurus selepas mengangkat sumpah jawatan, Sanusi memberitahu persidangan akhbar bahawa tugas pertamanya ialah membahagikan tugas Ahli Exco supaya tidak ada pertindihan dan hanya seorang Exco sahaja yang melakukan pelbagai tugas.

Pada hari berkenaan juga Sanusi menampilkan betapa prihatinnya beliau terhadap pembangunan rakyat dan negeri. Antara kandungan utama persidangan akhbar berkenaan ialah Menjaro Polemas atau mental jasad dan roh (Menjaro) serta politik ekonomi dan masyarakat (Polemas).

Ia sudah cukup menggambarkan iltizam Sanusi kepada pembangunan secara keseluruhan untuk rakyat dan negeri. Pembangunan yang diimpikannya bukan sekadar pembangunan fizikal, tetapi juga merangkumi pembangunan lebih mendalam yang serba lengkap bagi membentuk insan berwibawa.

Ia juga selaras dengan kehendak Islam yang menuntut kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia serta akhirat.

Bagaimanapun, Sanusi yang baru setahun memegang tampuk pemerintahan menanggukkan beberapa projek yang dijangka mampu meletakkan Kedah sebagai salah sebuah negeri yang berjaya dalam banyak bidang, sekaligus menyemarakkan lagi kemajuan serta pembangunan rakyat.

Apatah lagi, Sanusi yang memang dikenali sebagai pemimpin yang berketrampilan dan penuh dengan idea bernas diramal berupaya menukar imej Kedah daripada negeri berasaskan pertanian kepada negeri yang serba maju, selaras dengan matlamat wawasan 2020.

Seperti yang dialami negeri lain, usaha itu dilalui dalam suasana yang agak sukar berikutan kegawatan ekonomi negara akibat serangan spekulatif mata wang pada Julai 1997. Antaranya ialah projek menambak laut di sepanjang 100 kilometer kawasan pesisir pantai dari sempadan Perlis hingga ke Pulau Pinang.

(END)